





PERHIMPUNAN TAHUN BARU 2019

· ? 6 C J 6 G > ·

MPS telah mengadakan Perhimpunan Tahun Baharu 2019 pada 9 Januari 2019 di Lobi Menara MPS. Tuan Hj. Az'har Samsuri, Penolong Setiausaha telah mewakili Tuan YDP untuk menyampaikan amanat Tahun Baharu 2019. Majlis telah dihadiri oleh tetamu kehormat, YBhg. Datuk Haji Azih Bin Muda, Presiden CEUPACS merangkap Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia. Beliau telah menyampaikan taklimat khas bertajuk "Cabaran Masa Kini Penjawat Awam". Turut diadakan penyampaian sumbangan dermasiswa kepada anak-anak Ahli ANULAE MPS bagi peperiksaan UPSR dan PT3 tahun 2018 dan sumbangan khairat kematian kepada ahli keluarga staf MPS yang telah meninggal dunia. Selain itu, diadakan juga penyerahan sumbangan caruman SSPN-i anak-anak staf MPS kepada wakil daripada PTPTN.



SAMBUTAN THAIPUSAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR

6 C J 6 G >

Sambutan Malam Perayaan Thaipusam 2019 telah disambut meriah dan penuh warna-warni oleh jutaan penganut agama Hindu di seluruh negara. Sambutan yang diadakan di Batu Caves pada 20 Januari 2019 telah dihadiri oleh YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Pada malam tersebut Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan peruntukan lebih RM300,000 kepada kuil-kuil terpilih di seluruh Selangor. Acara diteruskan dengan penyerahan sumbangan dan majlis berakhir pada jam 10.00 malam.







*MAJLIS 'JASAMU DIKENANG BUDI
DISANJUNG' BAGI MENGHARGAI
PESARA MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG
TAHUN 2019*

· ? 6 C J 6 G > ·



Bagi menghargai jasa dan khidmat bakti para pesara, MPS bersama ANULAE Cawangan MPS telah mengadakan satu majlis penghargaan bagi meraikan para pesara MPS tahun 2018. Majlis 'Jasa Dikenang, Budi Disanjung' yang berlangsung pada 24 Januari 2019 bertempat di Lobi Menara MPS ini telah dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Tuan Suliman Bin Abdul Rahman, YDP MPS. Seramai 52 orang pesara telah diraikan pada majlis minum petang ini. Dalam majlis tersebut telah diadakan majlis penyampaian saguhati penghargaan kepada para pesara 2018. Di samping itu, majlis juga diserikan dengan tayangan montaj khas dan persembahan daripada Kumpulan D'Xoras MPS. Majlis berakhir pada jam 4.30 petang dengan sesi bergambar kenang-kenangan bersama. Tuan YDP MPS.



PROGRAM KEBUN KOMUNITI DAN PERTANDINGAN EDIBLE GARDEN MPS TAHUN 2019

· ? 6 C J 6 G > ·

Program Kebun Komuniti MPS tahun 2018 telah diadakan pada 26 Januari 2019 (Sabtu) bertempat di Dewan MPKK, Kampung Sungai Tua Baharu. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Azhar Bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS mewakili Tuan YDP MPS. Dalam Majlis tersebut juga telah diadakan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Edible Garden MPS untuk tahun 2018. Majlis diakhiri dengan lawatan ke kebun komuniti JKP Zon 6 untuk acara menandatangani plak dan juga lawatan ke gerai pameran.









LAWATAN PELANCONGAN BERSAMA ADUN RAWANG DI BATU ARANG

· ? 6 C J 6 G > ·

Dalam usaha untuk memperkenalkan Batu Arang sebagai salah satu destinasi pelancongan di daerah Gombak, MPS telah mengadakan lawatan pelancongan bersama Ahli Dewan Negeri Rawang, YB Chua Wei Kiat pada 11 Januari 2019 bertempat di Pekan Batu Arang, Rawang Selangor. Beliau telah dibawa melawat ke tempat-tempat menarik antaranya Terowong Perlombongan Bawah Tanah Batu Arang, SRJK Cina Chap Kuan, SMK Tuanku Abdul Rahman, White House dan Air Shaft. Turut mengiringi YB Chua dalam lawatan ini adalah Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan wakil-wakil jawatankuasa penduduk. Semasa lawatan tersebut, YB Chua Wei Kiat menzahirkan harapan beliau agar bandar Batu Arang ini dapat dipelihara dengan baik dan dapat dipromosikan secara meluas serta menjadi salah satu daripada kawasan pelancongan bertemakan warisan sejarah yang dikenali di dalam dan luar negara.







MAJLIS APRESIASI DAN PENYERAHAN WATIKAH PEBT

: 7 G J 6 G >

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS telah merangkul 4 Anugerah Tertinggi PeBT Negeri Selangor 2019 di bawah kepimpinan YBrs. Tuan Suliman Bin Abd Rahman, Yang Dipertua MPS. Anugerah yang berjaya dirangkul adalah Anugerah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Terbaik Negeri Selangor 2019, Anugerah Kepimpinan PeBT Terbaik Negeri Selangor 2019, Anugerah Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik Negeri Selangor 2019 dan Anugerah PeBT Terbaik Peringkat PBT Negeri Selangor 2019, En. Muadzam M Shariff (ZON 7) Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan di Majlis Apresiasi Dan Penyerahan Watikah Penggerak Belia Tempatan Negeri Selangor 2019 yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 17 Februari 2019.







MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA 2019

20 FEBRUARI 2019



Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina dan Perhimpunan Bulanan Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2019 telah diadakan di Perkarangan Menara MPS pada 20 Februari 2019. Majlis yang disambut meriah ini telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Suliman Bin Abd Rahman, YDP MPS. Turut hadir sama bagi memeriahkan majlis ini ialah YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, YBhg. Dato' Amirul Azizan Bin Abdul Rahim, Pegawai Daerah Gombak, YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang, ahli majlis MPS, pengarah-pengarah jabatan serta kakitangan MPS. Antara acara menarik yang telah diadakan adalah acara menggaul Yee Sang, persembahan Tarian Singa, persembahan muzik tradisional Cina dan lain-lain lagi. Majlis yang diadakan bersekali dengan perhimpunan bulanan MPS ini berakhir pada jam 2.00 petang..





MPS FUN RUN BERSEMPENA HARI TANPA KENDERAAN MPS 2019

7 G J 6 G >

MPS telah menganjurkan Acara Fun Run MPS bersempena Program Pagi Tanpa Kenderaan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dan mengurangkan kenderaan di atas jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas monoksida yang boleh mencemar alam. Larian yang melibatkan sejauh 5km ini telah menarik minat lebih 800 orang peserta untuk turut sama memeriahkan sambutan yang diadakan di sekitar Bandar Baru Selayang. Program ini playground, permainan congkak, foodtruck, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain lagi Turut hadir sama Yang Berusaha Tuan Suliman Bin Abd Rahman bersama-sama Ahli-Ahli Majlis yang lain bagi acara perlepasan peserta pada jam 8.00 pagi. Yang Dipertua MPS turut sama menyertai larian ini sebagai tanda sokongan kepada Program Pagi Tanpa Kenderaan MPS. Acara Fun Run ini berakhir dengan penyampaian hadiah bagi pertandingan push bike dan roller blade pada sekitar jam 11.00 pagi.







PROGRAM AMAL ‘COOP CARE’ KOPERATOR ALAM SEKITAR ANJURAN ANGKASA

7 G J 6 G >

Program Amal Coop Care Koperator Alam Sekitar anjuran ANGKASA dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah diadakan pada 2 Mac 2019 bertempat di Hutan Taman Rimba Templer (Templer Park), Rawang. Program gotong-royong dan penanaman anak pokok ini telah disertai seramai 100 orang sukarelawan “Rakan Sukarelawan Coop Malaysia, para pelajar, guru dan ibu bapa dari Sekolah Menengah Kebangsaan Rawang. Turut hadir sama memeriahkan majlis perasmian program ini ialah Yang Berbahagia Datuk Haji Mohamad Ali Hasan, Naib Presiden ANGKASA, Yang Berusaha Tn. LAr. Mokhtar Affandi Bin Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap MPS, Tuan Haji Borhan Mat Aris, Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA, Yang Berusaha Encik Mohamad Zin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS serta Yang Berusaha Encik Mohd Faudzi Mohd Hashim, Naib Yang Dipertua PIBG SMK Rawang. Pada majlis yang sama, Yang Berbahagia Dato’ Abdul Fattah, Presiden ANGKASA turut merasmikan sudut “Laman ANGKASA” dengan memberi sumbangan meja rekreasi dan pokok topiari untuk memberi manfaat kepada pengunjung Templer Park. Program berakhir pada jam 11.00 pagi.







MAJLIS APRESIASI KEPIMPINAN WANITA NEGERI SELANGOR

B 6 8

Satu lagi pencapaian membanggakan apabila MPS telah menerima Anugerah Khas Pencapaian 30% Wanita Pembuat Keputusan sempena Program Majlis Apresiasi Kepimpinan Wanita Negeri Selangor bagi kempen #Seimbang Untuk Sejahtera. Anugerah ini diberikan berdasarkan nisbah gender wanita sebagai ahli majlis dan pengurusan tertinggi dalam pembuat keputusan di MPS. Majlis yang telah diadakan di Shah Alam Convention Centre (SACC) Shah Alam pada 15 Mac 2019 ini telah dirasmikan oleh isteri Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berbahagia Puan Masdiana Muhamad. Turut hadir, Yang Berhormat Puan Dr Siti Mariah Binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Yang Berhormat Puan Rodziah Binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Kampung dan Tradisi, Yang Berusaha Tuan Suliman bin Abd Rahman, YDP MPS, Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS, Puan Mazurah Binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPS, Pengarah dan wakil-wakil Jabatan, Agensi dan NGO bagi memeriahkan majlis.



PROGRAM 3R GO GREEN PERINGKAT MPS

B 6 8

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS telah menganjurkan Program 3R 'Go Green' Peringkat MPS tahun 2019. Program yang julung-julung kali diadakan ini adalah bagi menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan budaya 3R iaitu 'Reduce, Reuse and Recycle' di samping mendidik staf MPS mengamalkan kaedah kitar semula dalam kehidupan seharian. Majlis yang diadakan pada 20 Mac 2019 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS ini telah dirasmikan oleh Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan merangkap Ketua Jawatankuasa Latihan EKSA MPS. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ini adalah penyampaian Buku Bank Kitar Semula kepada ketua-ketua zon EKSA MPS, pertandingan Bank Kitar Semula EKSA MPS, pertandingan Sudut 'Go Green' paling kreatif dan Pertandingan Eco-bricks peringkat ZON EKSA MPS. Disamping itu juga, turut diadakan taklimat 3R oleh RCOMM Lestari, Bengkel Eco-bricks bersama Guru Penyelaras Eco-bricks SMK Darul Ehsan, sudut pameran dan demonstrasi bahan-bahan kitar semula.









MAJLIS PENGHARGAAN DAN PERPISAHAN TUN YDP MPS

22 MAC 2019

*Majlis Penghargaan dan Perpisahan Tuan Suliman Bin
Abd Rahman, Yang Dipertua*

*Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada
22 Mac 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis
Penghargaan dan Perpisahan ini diadakan bertujuan
menghargai jasa dan khidmat bakti beliau selama 4
tahun bertugas sebagai Yang Dipertua MPS dan juga
bersempena 25 tahun beliau bertugas dalam
perkhidmatan awam. Majlis telah dimulai dengan
ketibaan Tuan Yang Dipertua diiringi oleh pihak
pengurusan dan Ahli Majlis MPS. Majlis diteruskan
dengan bingkisan ucapan oleh Tuan Suliman dan
diserikan dengan tayangan khas berkaitan perjalanan
aktiviti Tuan Yang DiPertua MPS sepanjang
perkhidmatan beliau di MPS dan penyampaian
cenderamata kenangan daripada pihak MPS. Majlis
diakhiri dengan jamuan makan tengahari. Sekalung
ucapan terima kasih diucapkan buat Tuan Suliman.
Segala jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan oleh
Tuan Suliman akan senantiasa tersemat dalam memori
warga MPS selamanya.*

KEJOHANAN BADMINTON KOMUNITI STRATA PIALA YDP MPS 2019

B 6 8

PADA 23 hingga 24 Mac 2019 bertempat di 222 Sport Centre, Selayang Mall, Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama daripada JMB/MC Strata MPS, Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 12 dan 222 Sport Centre telah menganjurkan Kejohanan Badminton Komuniti Strata Piala Yang Dipertua MPS 2019. Sebanyak 18 pasukan daripada pelbagai komuniti strata telah menyertai kejohanan ini. JMB Apartment Kenanga telah dinobatkan sebagai Juara dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 beserta medal. Manakala JKP Zon 12A dan JKP 12B telah mendapat tempat kedua dan ketiga serta membawa pulang hadiah wang tunai RM800.00 dan RM500.00 beserta medal. Tempat keempat telah di menangi oleh JMB Apartment Las Palmas dan membawa pulang hadiah wang tunai RM500.00 beserta medal.







PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA BASMI DENGGI KPKT 2019

6 E G > A

Program Gotong-Royong Basmidenggi Perdana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) anjuran MPS dengan kerjasama KPKT telah berlangsung pada 14 April 2019. Program ini telah diadakan di Medan Selera Pinggiran Batu Caves. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik kepada Dato' Menteri Besar Kawasan Dun Sg Tua mewakili Yang Berhormat Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, ADN Gombak Setia. Turut serta dalam program ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr Juhari bin Ahmad, Timbalan YDP MPS bersama-sama Ahli Majlis MPS dan pengarah MPS bagi melepaskan peserta acara plogging. Program ini juga turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan plogging, pertandingan ecobrick, program gotong-royong, cabutan bertuah dan pameran. Melalui program ini, sebanyak 49 botol ecobrick dan 1,552 bekas berpotensi pembiakan nyamuk telah dapat dikumpulkan. Program yang melibatkan 348 orang peserta yang terdiri daripada penduduk MC/JMB Pinggiran Batu Caves, Flat Taman Gemilang, Desa Temenggung dan Kg Melayu Sri Gombak ini berakhir dengan penyampaian hadiah bagi pertandingan plogging dan eco brick pada jam 12.00 tengah hari.







PENGAUDITAN PENSIJILAN EKSA *6 E G J A*



LAWATAN Pengauditan Pensijilan EKSA DIY yang telah diadakan bermula 16 hingga 18 April 2019 ini telah dihadiri seramai empat orang panel penilai dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Lawatan pengauditan kali ini tertumpu kepada beberapa komponen penilaian utama. Secara umumnya MPS telah melaksanakan EKSA dan mematuhi keperluan penilaian kriteria EKSA pada Lawatan Pengauditan Pensijilan EKSA DIY kali ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tindakan susulan yang perlu dikemukakan semula kepada pihak SUK dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan.









PROGRAM LESTARI BUMI HIJAU

27 APRIL 2019

Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Standard Chartered dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengadakan Program 'Lestari Bumi Hijau' pada hari Sabtu, 27 April 2019 bertempat di Taman Rimba Bukit Lagong. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini telah berjaya mengumpul hampir 250 orang peserta sukarelawan. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti penanaman 500 batang pokok renek, mengecat kemudahan awam di sekitar kawasan Taman Rimba serta pembersihan laluan trail hutan. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Pemangku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang. Turut hadir pada program ini ialah wakil dari UiTM, YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Fozzi Ali, Timbalan Naib Cancellor (Pembangunan) dan Mr Paul Scott, Global Head Financial Market Operation daripada Standard Chartered Global Business Services Sdn Bhd.









PERHIMPUNAN BULANAN MEI DAN CERAMAH AMBANG RAMADAN MPS

B : >

Majlis Perhimpunan Bulanan Mei 2019 dan Ceramah Ambang Ramadhan 1440H peringkat Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan di Lobi Menara MPS pada 3 Mei 2019. Majlis telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Az'har Bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS bersama-sama dengan Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah Jabatan serta kakitangan MPS.

Pada majlis ini telah diadakan penyampaian hadiah bagi pertandingan sudut 'GoGreen' EKSA dan dermasiswa kepada anak-anak kakitangan MPS yang cemerlang dalam peperiksaan oleh ANULAE Cawangan MPS dan Kelab Sukan Dan Kebajikan MPS. Di kemuncak majlis ini telah diserikan dengan pelancaran Tabung Ihya' Ramadan MPS 2019 sempena menyambut kehadiran bulan Ramadan Al-Mubarak dan ceramah ambang ramadhan yang telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Zul Hazwan Bin Ismail.



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK PERINGKAT MPS

B : >

Sempena bulan Ramadan 1440 H , satu Program Memasak Bubur Lambuk oleh warga MPS telah diadakan pada 15 Mei 2019. Program yang telah diadakan di Perkarangan Menara MPS ini adalah anjuran bersama MPS dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS. Turut serta dalam program ini adalah Ahli-Ahli Majlis MPS, pengarah-pengarah jabatan dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor yang turut terlibat dalam memasak bubur lambuk. Unikny, Program Memasak Bubur Lambuk pada tahun ini adalah bertemakan pakaian sukan jabatan dan melibatkan hampir 210 orang warga MPS. Program yang menjadi acara tahunan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial warga MPS kepada masyarakat setempat sempena bulan yang mulia ini di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim. Program yang bermula pada jam 9.00 pagi ini selesai pada jam 12.30 tengah hari dengan aktiviti pembungkusan secara gotong royong. Sebanyak 4000 bekas bubur lambuk dihasilkan untuk diagihkan kepada kakitangan MPS, agensi-agensi kerajaan berhampiran dan juga pengunjung Bazar Ramadan.









**PROGRAM BAZAR RAMADAN MAMPAN
DAN KEMPEN AMALAN HIJAU**

TAHUN 2019

15 MEI 2019

Pelancaran Bazar Ramadan Mampan Dan Kempen Amalan Hijau MPS tahun 2019 telah diadakan pada 15 Mei 2019 bertempat di Bazar Ramadan Taman Greenwood, Batu Caves. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor. Hadir bersama, Dato' Dr Juhari Bin Ahmad, Timbalan YDP MPS dan Puan Anfaal Bin Saari, Ahli Majlis Zon 3 MPS. Program yang merupakan program tahunan anjuran pihak Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor dengan kerjasama MPS ini bertujuan untuk menggalakkan para peniaga bazar ramadan mengamalkan ciri-ciri peniaga yang berhemah seperti mematuhi etika penyediaan makanan, tidak menggunakan bekas-bekas styrofoam, kitar semula minyak masak dan sebagainya. Di samping itu, turut diadakan juga kempen amalan hijau bagi menerapkan kesedaran orang ramai untuk mengambil inisiatif dengan membawa beg kitar semula dan bekas makanan sendiri bagi menghadkan penggunaan plastik dan bekas-bekas polisterin. Program diakhiri dengan sesi lawatan YB sekitar bazar ramadan sambil menyantuni peniaga dan pengunjung dengan mengedarkan cenderahati serta bubur lambuk.









KEMBARA RAMADAN MPS 2019

B : >

Kembara Ramadan MPS 2019 anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK) telah diadakan pada 24 Mei 2019 bertempat di hadapan Lobi Menara MPS. Kembara pada kali ini turut melibatkan pasukan bermotor dari Kelab Kebajikan Amal Permotoran serta staf MPS sendiri. Tiga lokasi telah dikunjungi iaitu Kampung Orang Asli Kuang Ulu, Masjid Nurul Yaqin Sri Kundang dan Rumah OKU Titian Nur Batu 16 Rawang bagi menyampaikan hasil sumbangan Ramadan pada tahun ini.







ITHYA' RAMADAN MPS 2019

B : >



MPS telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama staf serta anak yatim pada 24 Mei 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Pada tahun ini, MPS menyantuni anak-anak yatim dari Rumah Pertubuhan Baitul Lathofah bagi menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai, barangan keperluan serta duit raya. Diharap bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan perbelanjaan yang ditanggung serta memberi keceriaan dalam menyambut bulan Ramadan serta meraikan Hari Raya Aidilfitri yang bakal













TADARUS AL QURAN

7 G J 6 G >

Bersempena dengan kempen #QuranHour yang disambut di seluruh dunia pada hari ini, Majlis Perbandaran Selayang turut mengadakan sesi bacaan Al-Quran selama satu jam melibatkan hampir 50 orang kakitangan. Kempen Quran Hour pada tahun ini menampilkan tema Dunia Berbudi & Penyayang bertujuan sebagai tali untuk menyatukan ummah.



PERHIMPUNAN BULANAN MEI DAN CERAMAH AMBANG SYAWAL MPS

B : >

Bagi menyambut ketibaan bulan Syawal, untuk kesekian kalinya KSDK MPS mengadakan Majlis Sambutan Ambang Syawal Tahun 1440H pada 30 Mei 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, TYDP MPS, ahli majlis, pengarah jabatan dan kakitangan MPS yang beragama Islam. Antara pengisian sambutan pada kali ini adalah sesi ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu itu disusuli dengan acara penyampaian buah tangan hari raya oleh pihak KSDK MPS kepada semua kakitangan MPS.





**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG MPS TAHUN 2018 DAN JAMUAN
HARI RAYA MPS TAHUN 2019**

• J C •

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Majlis Perbandaran Selayang telah berlangsung pada 18 Jun 2019 (Selasa) bertempat di Lobi Menara MPS. Seramai 88 orang penerima telah terpilih untuk menerima APC tahun 2018 sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan terhadap perkhidmatan mereka. Turut disampaikan Anugerah Jasamu Dikenang khusus untuk para pesara bagi tahun 2019. Anugerah ini diberikan kepada 22 orang pesara. Penyampaian anugerah ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, Ahli Dewan Negeri Gombak Setia merangkap Setiausaha Politik kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua penerima APC 2018.

Majlis sambutan Hari Raya Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 18 Jun 2019 bertempat di perkarangan Menara MPS. Majlis telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, YAB Tuan Haji Amiruddin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama tetamu dif-dif jemputan yang lain. Pada majlis tersebut, YAB Dato' Menteri Besar telah menyampaikan sedikit bingkisan amanat beliau bersempena majlis tersebut. Antara yang turut hadir ke majlis rumah terbuka ini adalah Yang Berhormat Ahli Parlimen Selayang dan Ahli-Ahli Dewan Negeri, Yang Dipertua PBT-PBT Selangor, Pegawai Daerah Gombak, wakil-wakil agensi kerajaan, mantan-mantan YDP & TYDP MPS dan ahli-ahli majlis MPS. Antara pengisian majlis rumah terbuka pada kali ini adalah persembahan kebudayaan oleh penari jemputan dan persembahan nyanyian akustik oleh D'Xoras Buskers MPS. Selain itu, majlis juga telah di-

meriahkan dengan pertandingan persembahan









PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2018



PESARA MPS TAHUN 2018













PERHIMPUNAN BULANAN JULAI DAN MAJLIS SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA PERINGKAT MPS 2019

? J A 6 >

MPS telah menganjurkan Perhimpunan Bulan Julai dan Sambutan Hari Penguatkuasa MPS ke-37 pada 1 Julai 2019. Sambutan ini telah diadakan di Dataran MPS dan telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS. Sambutan Hari Penguatkuasa ke-37 ini merupakan kali pertama diadakan secara besar-besaran melibatkan seluruh warga MPS.







*PROGRAM KONVOI BERMOTOR
AMBANG MERDEKA BERSAMA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH
GOMBAK*

· ? J A 6 > ·

*Program Konvoi Bermotor Ambang Merdeka bersama
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak telah diadakan
pada 27 Julai 2019 .Program anjuran PDT Gombak ini
disertai 140 orang peserta daripada PBT dan agensi
kerajaan sekitar Daerah Gombak melibatkan destinasi
dari Gombak ke Bentong ,Pahang.*



KARNIVAL 3W (WOMEN, WELFARE , WELLNESS)

? J A 6 >

Karnival 3W (Women, Welfare, Wellness) peringkat Majlis Perbandaran Selayang telah berlangsung di Padang Awam Batu Caves dengan kehadiran pengunjung hampir 5,000 orang. Karnival ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Haji Amirudin Bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor dengan mengangkat tema Hari Denggi ASEAN dan Hari Bapa. Turut hadir sama YB Dr Siti Mariah Binti Mahmud, EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor. Karnival yang berlangsung kali ke enam ini menyediakan pelbagai aktiviti antaranya plogging 10,000 langkah, Basmi Denggi, Pertandingan Futsal, Bengkel Keusahawanan Wanita Strata dan Pertandingan Gasing Hero BayBlade Bapa dan Anak. Selain itu, turut diadakan Talk Show – Papaku Adiwira, Mamaku Kejora : “Bapa Hebat dan Keluarga Unggul” bersama artis undangan Norman Hakim dan Memey Suhaiza.















MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENARAFAN BINTANG PBT SELANGOR 2019

· ? J A 6 > ·

MPS telah berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2018 dengan peratusan sebanyak 97.1%. Kriteria penilaian ke atas sistem penarafan ini dibuat adalah melibatkan pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Ini membuktikan bahawa MPS telah pun menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencapai kriteria yang telah ditetapkan. Anugerah yang telah diadakan di Foyer SUK, Bangunan SSAAS pada 9 Julai 2019 ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru dan dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Majlis bersurai pada jam 11.00 pagi selepas sesi bergambar dan jamuan makan.



LAWATAN DYTM RAJA MUDA SELANGOR KE DAERAH GOMBAK, SELANGOR

" ? J A 6 > "

DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli ke Daerah Gombak bersama Orang-Orang Besar Istana di mana berlangsungnya siri jelajah ini selama 3 hari berturut-turut. Jelajah DYTM Raja Muda Selangor kali ini turut menemukan Baginda dengan rakyat dengan dibawa melawat mesra ke destinasi-destinasi menarik dan lokasilokasi terpilih di setiap daerah. Lawatan Baginda diringi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia, Yang Berhormat Tuan Hilman bin Idham, Orang Besar Daerah (OBD), Yang Dihormati Tan Sri wan Mahmud Pa' Wan Teh, Pegawai Daerah Gombak, Yang Berbahagia Datuk Amirul Azizan bin Abdul Rahim dan Timbalan Yang Dipertua MPS, Yang Berbahagia Dato' Juhari Bin Ahmad. Dalam program ini, baginda telah berkesempatan melawat ke Kampung Kerdas, Kampung Changkat Batu Caves, laluan Rawang Bypass, Institut Kraf Negara (IKN), Kampung Orang Asli Ulu Kuang, Tasik Biru Kundang, Tapak Warisan Batu Arang dan kilang-kilang perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di sekitar Gombak. Mengakhiri jelajah, Baginda diiringi Dato' Menteri Besar Selangor, YB Amirudin Shari menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Amaniah.















PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH BERSAMA ANULAE
? J A 6 >

ANULAE Cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara menganjurkan Program Derma Darah pada 31 Julai 2019 (Rabu) bertempat di Lobi Menara MPS bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 2.30 petang. Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir bagi menderma darah.



OPERASI CAR WASH

D < D H

MPS telah melaksanakan Operasi Bersepadu Car Wash Rezab Tanah JKPTG Jalan Gombak Lama pada 1 Ogos 2019. Operasi ini dijalankan berikutan daripada aduan yang diterima oleh MPS mengenai perniagaan yang dijalankan tanpa lesen dan tiada kelulusan struktur bangunan. MPS telah mengambil tindakan dengan membuat sitaan UUK 3 Undang-undang kecil Tred, Perniagaan dan Industri (MPS) 2007 atas kesalahan tidak mempunyai lesen berniaga. MPS juga telah merobohkan struktur bangunan atas kesalahan membuat struktur bangunan tanpa kelulusan mengikut Sek. 46 (1) A (02 Struktur Roboh- Hal Struktur) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.









*TAKLIMAT OLEH CUEPACS
8 OGOS 2019*

Taklimat Peranan Kesatuan Dalam Perkhidmatan Awam anjuran ANULAE cawangan MPS telah diadakan pada 8 Ogos 2019 bertempat di Bilik Keraian, Menara MPS. Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Haji Adnan Bin Mat, Setiausaha Agong CUEPACS berkenaan peranan kesatuan dalam perkhidmatan awam dan perkongsian maklumat tentang perkhidmatan awam kepada kakitangan MPS.



*PROGRAM IBADAH QURBAN
BERSAMA
KSDK PERINGKAT MPS
14 OGOS 2019*

Kelab Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK) telah menganjurkan Program Ibadah Korban peringkat Majlis Perbandaran Selayang pada 14 Ogos 2019 bertempat di perkarangan bangunan lama MPS. Acara tahunan berkonsepkan program sukarelawan ini dijalankan secara gotong-royong bermula dari jam 8.30 pagi hingga 2.30 petang melibatkan seramai 120 orang kakitangan MPS bagi proses melapah dan membungkus. Pada program ini sebanyak 3 ekor lembu telah ditumbangkan dan agihan daging korban telah disedekahkan kepada Rumah Orang Kurang Upaya Titian Nur Rawang, Orang Asli Bukit Lagong, asnaf dan kakitangan MPS.









HARI WANITA MPS

23 OGOS 2019

Sambutan Hari Wanita peringkat MPS telah diadakan pada 23 Ogos 2019 (Jumaat) bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Sambutan yang dianjurkan oleh Biro Wanita ANULAE cawangan MPS ini melibatkan semua kakitangan wanita MPS dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Azlita Binti Ismail, Isteri Timbalan Yang Dipertua MPS. Sambutan kali ini telah diadakan pertandingan menghias coklat dan masakan serta pertandingan karaoke. Majlis berakhir pada jam 12.00 tengahari.







PROGRAM RIVER OF LIFE

D < D H

Di bawah projek Friends of Sungai Pusu yang merupakan inisiatif di bawah program IIUM River of Life, satu aktiviti gotong-royong pembersihan Sungai Pusu dan kawasan sekitar telah dilaksanakan pada 23 Ogos 2019. Aktiviti gotong-royong yang masuk siri ke-8 ini melibatkan lebih 100 peserta dari UIA, MPS, KPJ Tawakkal Kuala Lumpur dan juga penduduk setempat. Sebanyak 245 kg sampah berjaya dikutip pada program yang berlangsung lebih 3 jam ini.





PROGRAM KEMPEN TIKUS DAN GREENWOOD NEW OUTLOOK

D < D H

Majlis pelancaran 'Greenwood The New Outlook' dan Kempen Basmi Tikus peringkat MPS telah diadakan pada 25 Ogos 2019 (Sabtu) bertempat di Medan Selera Taman Greenwood, Gombak. Program yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, Ahli Dewan Negeri Gombak Setia merangkap Setiausaha Politik kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Program ini merupakan satu usaha bagi membangun dan menceriakan kawasan Taman Greenwood bagi memacu pembangunan yang sejahtera. Selain itu, program basmi tikus ini juga bertujuan membentuk kesedaran masyarakat tentang bahaya tikus dan usaha-usaha untuk membasmi pembiakannya. Turut diadakan pada majlis tersebut, penyampaian kit basmi tikus kepada wakil-wakil kawasan yang terlibat dalam kempen ini dan juga perasmian mural bazar greenwood serta penyampaian sijil penghargaan kepada pelukis mural daripada Temu Studio. Majlis berakhir dengan penyampaian hadiah pertandingan cari dan lupus tikus dan cabutan bertuah.







PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG & PELANCARAN JALUR GEMILANG ECO-BRICK

' D < D H '

Kelab Pencinta Alam SMK Darul Ehsan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang telah mengadakan Program Kibar Jalur Gemilang 2019 & Pelancaran Jalur Gemilang Ecobricks pada 26 Ogos 2019 bertempat di Dataran Gemilang, SMK Darul Ehsan. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Hartini Mohd Nasir, Setiausaha Bahagian Eko Inovasi, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Program yang merupakan aktiviti tahunan sejak tahun 2015 ini telah berjaya menghasilkan Jalur Gemilang dengan menggunakan pelbagai jenis bahan seperti batu kelikir, botol ecobricks dan tempurung kelapa. Turut diadakan pelancaran Jalur Gemilang Fabrik oleh Pengerusi Kelab Pencinta Alam SMK Darul Ehsan. Program berakhir pada jam 5.00 petang.











*EKSPEDISI SAINTIFIK
BIODIVERSITI DIRAJA
27 OGOS 2019*

Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin telah berkenan merasmikan Ekspedisi Saint Taman Negeri Selangor Bukit Fraser pada 26 Ogos 2019 bertempat di Taman Rimba Komanwel. Pada ekspedisi yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ini, Baginda telah melancarkan dua buku dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjudul Enchanted Orchids of Fraser's Hill dan Wonders of Malaysian Orchids: Unveiling Vanilla Norashikiniana serta buku dari Taman Rimba Years Of The Commonwealth Eco Forest Park. Ekspedisi yang melibatkan 300 orang peserta ini berakhir pada jam 12.00 tengahari.



*PERHIMPUNAN BULANAN OGOS DAN
SAMBUTAN HARI KEMERDERDEKAAN
PERINGKAT MPS 2019
D < DH*



Bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan, MPS telah mengadakan Perhimpunan Bulan Ogos bersekali dengan Kempen Kibar Jalur Gemilang yang telah diadakan di Dataran MPS pada 28 Ogos 2019. Sambutan ini turut disertai oleh Ahli-Ahli Majlis MPS, para pengarah dan kira-kira seramai 400 orang kakitangan MPS untuk menyaksikan serta memeriahkan majlis sambutan ini. Menariknya sambutan kemerdekaan pada tahun ini telah mendapat kerjasama daripada Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS yang telah mengedarkan 'Unity Ribbon' kepada 1200 orang kakitangan MPS untuk dipakai sepanjang bulan kemerdekaan ini. 'Unity Ribbon' ini adalah merupakan satu inisiatif badan NGO iaitu Projek57 yang mempromosikan semangat perpaduan dan patriotisme di kalangan masyarakat Malaysia selain dapat membantu golongan yang tidak bernasib baik. Selain itu juga, antara pengisian program adalah acara perbarisan daripada Anggota Penguatkuasa MPS, Sesi Pengenalan Program Pementoran MPS siri 1/2019, simbolik penyerahan 'Unity Ribbon' Projek 57 dan penyerahan Jalur Gemilang kepada Ahli-Ahli Majlis MPS. Majlis bersurai pada jam 10.30 pagi dengan nyanyian Lagu Jalur Gemilang.







GUA DAMAI INTERNATIONAL BASE JUMP 2019

" H : E I : B 7 : G "

Program Gua Damai International Base Jump 2019 telah dianjurkan oleh MPS dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Tourism Malaysia, Tourism Selangor, Wira Adventure Consultant dan Majlis Perwakilan Penduduk Kampung (MPPK) di Taman Ekstrem Wira Damai untuk kali ke-12 pada sekian kalinya. Perasmian program ini telah diadakan pada 15 September 2019 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Hj Amirudin bin Shari. Turut hadir sama dalam program ini adalah Yang Berhormat Datuk Abd Rashid bin Asari, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Negeri Selangor, YBhg. Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Abdul Rahim, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Pegawai Tourism Malaysia, Pegawai Tourism Selangor, Wakil Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Negeri Selangor, Ahli-Ahli Majlis MPS dan para pengarah MPS. Siri terjunan pada kali ini telah disertai seramai 24 orang peserta daripada 8 buah negara yang menyertai terjunan secara bebas dari platform setinggi 96 meter dari Puncak Gua Damai yang dimulakan seawal jam 6.45 pagi. Pada tahun ini sebanyak 8 buah negara telah menyertainya iaitu daripada Malaysia, Indonesia, Poland, New Zealand, Estonia, Australian, Amerika Syarikat, dan Belanda.



PROGRAM BIG BOYS CAMP SHIELDS 2019

" S A Y A N G I H I D U P : B A H A Y A D A D A H " " H : E I : B 7 : G "

Program Big Boys Camp SHIELDS 2019 telah diadakan pada 18-20 September 2019 bertempat di Laman Nur Bestari, Ulu Yam Gombak. Program ini merupakan anjuran MPS dan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Gombak. Program yang melibatkan 3 Daerah iaitu Batu Caves, Rawang & Setapak ini memberi penekanan terhadap peningkatan pengetahuan mengenai bahaya dadah serta turut menitikberatkan pengisian motivasi dan santapan rohani menerusi aktiviti selingan iaitu ceramah agama serta penekanan prinsip moral terhadap peserta.











PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN INDIA NEGERI SELANGOR 2019

H : E I : B 7 : G

Program Pembangunan Usahawan India Negeri Selangor telah diadakan pada 29 September 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Chua Wei Kiat Ahli Dewan Negeri DUN Rawang. Tujuan program diadakan adalah untuk membantu usahawan- usahawan kecil india di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.



*PERHIMPUNAN BULANAN DAN
MAJLIS LAFAZ
AKUAN TERIMA JAWATAN SEBAGAI
YANG DIPERTUA MPS*

D@I D7: G

Seluruh warga Majlis Perbandaran Selayang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat datang kepada YBr. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor atas pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua MPS yang baharu pada 1 Oktober 2019. Semoga MPS akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Tuan Yang Dipertua yang baharu.









PENGURUSAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2019



AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2019



PROGRAM CINTAI SUNGAI PERINGKAT MPS

D@I D7: G

Bersempena dengan Sambutan Hari Sungai Sedunia, pihak MPS bersama rakan strategik iaitu IIUM, JPS Malaysia dan Team Selangor telah menganjurkan Program Cintai Sungai peringkat MPS tahun 2019 yang berlangsung pada 6 Oktober 2019 bertempat di GIBS Ecotourism Resorts Ulu Yam. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Haji Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor diiringi oleh tetamu kehormat iaitu YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, YDP MPS, YBhg. Prof. Emeritus Abdul Razak, Rektor IIUM dan Encik Mohd Rizal Bin Abdul Talib, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia. Pada program ini turut diadakan pelbagai aktiviti antaranya Pertandingan Amazing River Race, aktiviti pembersihan sungai dan pertandingan reka cipta bahan kitar semula. Program ini telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak antaranya penuntut IPT, pelajar sekolah dan penduduk setempat. Program berakhir pada jam 2.00 petang dengan acara cabutan bertuah.













AUDIT SIRIM ISO 9001; 2015

" D@I D7: G "

Audit MS ISO 9001:2015 telah dijalankan bermula pada 7 - 9 Oktober 2019. Audit ini bertujuan untuk meneliti dan menyemak semula sistem Pengurusan Kualiti MPS agar selari dengan panduan yang telah digariskan oleh Standard Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).



SESI PEMBUKAAN SPECIALIST DISPATCH PROJECT, THE JAPAN COUNCIL OF LOCAL FOR INTERNATIONAL RELATIONS (Jclair)

D@I E 7 : G

MPS telah menerima kunjungan delegasi daripada The Japan Council of Local Authorities for International Relations (JCLAIR) untuk Program Projek Specialist Dispatch Project 2019 pada 6 hingga 11 Oktober 2019. Turut serta dalam lawatan ini ialah seorang pakar berkaitan skop pengurusan sisa pepejal iaitu Mr. Tanaka Hideho dari Jepun. Selain itu juga, MPS turut menerima kunjungan daripada wakil JCLAIR Singapura iaitu Ms. Honda Masami, Mr. Siau Min Yang dan Mr. Inoue Kazuya bagi perkongsian kepakaran dan idea. Antara topik yang dibincangkan bagi kursus yang dijalankan selama 5 hari ini adalah berkaitan kaedah pengurusan sisa pepejal yang lebih teratur termasuk sisa industri dan komersial, cara menangani isu dan masalah sampah haram dan sisa longgok serta pengurusan kitar semula dan penglibatan komuniti dalam pengurusan sampah. Sebelum pulang, Delegasi daripada Jepun ini telah dibawa melawat ke tempat-tempat pelancongan di kawasan pentadbiran MPS bagi melihat sendiri keindahan di Malaysia.











PERSIDANGAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR 2019 (SIBS)

" D @ I D 7 : G "

Persidangan Perniagaan Antarabangsa Selangor 2019 (SIBS) kali ke-3 telah berlangsung selama 3 hari bermula 10 Oktober 2019 hingga 13 Oktober 2019 bertempat di Pusat Perdagangan dan Pameran Malaysia (MITEC). Persidangan ini telah dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Selangor; Tengku Permaisuri Norashikin. Persidangan yang dianjurkan oleh Invest Selangor ini bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur di Negeri Selangor. Pada persidangan ini turut menyaksikan lebih 800 pempamer dari lebih 24 negara termasuk Amerika Syarikat, Qatar, Australia, Jepun dan China. MPS juga turut serta dalam pameran pelaburan dan penswastaan sepanjang persidangan ini berlangsung.



SUKOMSEL 2019

" D@I D7: G "

Majlis Perbandaran Selayang telah menganjurkan Karnival Sukan Komuniti Selayang (SUKOMSEL 2019) pada 5 - 6 Oktober dan akan bersambung pada 12 - 13 Oktober 2019. Karnival Sukan Komuniti (SUKOMSEL) JKP / PeBT Majlis Perbandaran Selayang adalah aktiviti yang dirancang khas untuk warga Selayang. Perlawanan ini merangkumi beberapa gabungan sukan dan melibatkan penyertaan oleh 24 Zon JKP di kawasan Selayang. Antara permainan yang dipertandingkan adalah badminton, futsal, ping pong, bola jaring, karom dan tenpin bowling.





SINARAN DEEPAVALI PERINGKAT MPS

D@I D7: G

Majlis Sinaran Deepavali peringkat MPS kali ke 18 telah diadakan pada 18 Oktober 2019 bertempat di Dewan Seri Siantan MPS, Jalan Sungai Tua. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, Yang Dipertua MPS. Kemeriahan majlis pada malam tersebut telah diserikan dengan pelbagai acara antaranya persembahan nyanyian, tarian tradisional dan cabutan bertuah. Turut diadakan acara penyampaian anugerah dan cenderahati serta sumbangan ANULAE cawangan MPS kepada kakitangan india MPS. Majlis berakhir pada jam 11.00 malam.

JELAJAH 360 #SMARTSELANGOR 'ALAMI SELANGOR'

" D@I D7: G "

Karnival Jelajah 360° Smart Selangor berlangsung dari 18 - 20 Oktober 2019 bertempat di Puteri Central Park, Rawang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwal Pengguna. Pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung antaranya seperti VR Truck Smart Selangor, Persembahan artis popular, cabutan bertuah dan bermacam-macam lagi.





BENGGEL KEBUDAYAAN MPS 2019
D@I D7: G

Majlis Pelancaran Bengkel Kebudayaan MPS tahun 2019 telah diadakan pada 23 Oktober 2019 bertempat di Dewan Keraian MPS. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, Yang Dipertua MPS bertujuan membimbing dan memberi pembelajaran muzik kepada ahli kumpulan koir, gamelan dan kugiran secara formal, sistematik dan profesional. Bengkel Kesenian ini akan dilaksanakan secara berperingkat & berkala mengikut setiap kategori kumpulan masing-masing.

MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN SELAYANG BMX CHALLENGE 2019

" CDK : B 7 : G "

Selayang BMX Challenge 2019 anjuran MPS bersama Persatuan Berbasikal Selangor telah diadakan pada 2-3 November 2019 bertempat di Trek BMX Gua Damai, Gombak Selangor. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, Yang Dipertua MPS pada 3 November 2019. Turut hadir pada majlis ini adalah Tuan Abdul Rahman Bin Abdullah, Ahli Majlis Zon 9, En Zafril Bin Mohd Zakaria, Wakil Persatuan Berbasikal Selangor serta Pengarah-pengarah Jabatan MPS. Kejohanan ini adalah untuk memperkenalkan infrastruktur sukan berbasikal BMX kepada seluruh warga Selayang sambil mencungkil bakat-bakat muda melalui aktiviti berbasikal ini. Majlis berakhir pada jam 5.30 petang.





PERASMIAN PUSAT KITAR STRATA DAN PROGRAM GOTONG ROYONG PANGSAPURI MAWAR

CDK : B 7 : G

Majlis perasmian Pusat Kitar Strata MPS dan Program gotong-royong perdana pangsapuri Mawar (A) dan Teratai (B) telah diadakan pada 3 November 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Selayang Mulia. Pusat Kitar Strata ini berfungsi sebagai pusat pengumpulan barang-barang yang boleh dikitar semula sebelum dihantar ke Pusat Kitar Semula. Pusat Kitar Strata akan menimbang dan memberikan kupon kepada penduduk sebagai bayaran hasil kepada pengumpulan barangan kitar semula tersebut. Selain pangsapuri Mawar dan Pangsapuri Teratai, empat JMB lain turut menerima peruntukan pusat kitar strata ini iaitu Pangsapuri Batai, Pangsapuri Julia, Pangsapuri Desa Satu dan Pangsapuri Desa Dua. Program berakhir pada jam 12.00 tengahari.



CERAMAH AGAMA SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL BAGITAHUN 1441H/2019M

CDK : B 7 : G

Program Ceramah Agama Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1441H/2019 telah dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan MPS bersama Ahli Majlis Zon 11 MPS. Majlis Sambutan Maulidur Rasul pada kali ini telah diserikan dengan sesi ceramah agama yang telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Akhil bin Abdul Hayy selaku Penceramah Jemputan.

MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR

CDK : B 7 : G

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1441H/2019M peringkat Negeri Selangor telah berlangsung pada 9 November 2019 bersamaan 12 Rabiulawal 1441H bertempat di Stadium Malawati, Shah Alam. Pada tahun ini MPS telah menghantar seramai 45 orang kakitangan bagi menyertai acara perarakan Maulidur Rasul. Perarakan ini bermula dari Stadium Mini Seksyen 13 sehingga ke Stadium Melawati kira-kira sejauh 2.3 kilometer. Turut hadir Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli ke majlis ini. Majlis berakhir pada jam 12.00 tengahari.



KEJOHANAN PING PONG PESTA SUKAN GEN-S PERINGKAT MPS

CDK : B 7 : G

Pertandingan Ping Pong Gen S telah diadakan pada 9 November 2019 bertempat di Kompleks Sukan Sri Siantan. Pada pertandingan ini seramai 26 pasukan telah mengambil bahagian dan Kumpulan Setiu Dragon A telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan. Majlis telah dirasmikan oleh Encik Justin Raj Savarimuthu, Timbalan Pengarah Bahagian Generasi Muda MSN Selangor. Program berakhir pada jam 11.30 malam.





PERHIMPUNAN BULANAN NOVEMBER 2019

7 G J 6 G >

Majlis Perhimpunan Bulanan November 2019 telah diadakan di Lobi Menara MPS pada 11 November 2019. Majlis telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor; Yang Dipertua MPS bersama-sama dengan Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah jabatan serta kakitangan MPS. Pada majlis ini telah diadakan penyampaian hadiah bagi kejohanan SUKOMSEL 2019 dan sumbangan kepada staf oleh ANULAE Cawangan MPS. Antara sumbangan tersebut adalah dermasiswa kepada anak-anak kakitangan MPS yang cemerlang dalam peperiksaan PT3, SPM dan STPM 2018, sumbangan bantuan bencana alam dan sumbangan kematian ibu bapa. Majlis berakhir pada jam 11.00 pagi.





KARNIVAL ALAM SEKITAR DAN KEPENGGUNAAN PERINGKAT MPS 2019 CDK: B7: G

Lebih 700 orang pengunjung telah membanjiri Dataran Setia, Tasik Biru Kundang pada 16 November 2019 bagi memeriahkan Karnival Alam Sekitar Dan Kepenggunaan 2019. Karnival yang telah masuk tahun ke 5 penganjurannya ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Sebanyak 10 agensi kerajaan dan swasta turut terlibat pada karnival kali ini. Antara acara yang telah diadakan adalah Program Pledge And Plant A Tree 2.0 (PAPAT) bersama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), acara plogging 'trash to cash', pertandingan mewarna, pertandingan pidato dan pertandingan nyanyian.













PERASMIAN PEMBUKAAN STOR BAHARU DI AEON MAXVALU SELAYANG MALL

CDK : B 7 : G

Upacara Pemetongan Riben Bersempena Perasmian Pembukaan Stor Baharu AEON Maxvalu telah diadakan pada 23 November 2019 bertempat di Selayang Mall. MPS telah diwakili oleh En Mohamad Zin Bin Masoad dan beberapa orang Ahli Majlis MPS.

PROGRAM GOTONG ROYONG BASMI DENGGI PERINGKAT MPS 2019

CDK : B 7 : G

Program Gotong-Rotong Basmi Denggi peringkat MPS telah diadakan pada 24 November 2019 bertempat di Surau Mahyon Kampung Bahtera, Wira Damai Batu Caves. Program telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Haji Saifuddin Bin Harun, Ketua Kampung Wira Damai. Program diteruskan dengan taklimat berkenaan program gotong-royong oleh En Zikry Bin Zulkife, Pegawai Tadbir Jabatan Sisa Pepejal Dan Kesihatan MPS. Acara bagi aktiviti 'Search And Destroy'. Program berakhir dengan acara penyampaian hadiah pada jam 12.00 tengahari.



OPERASI PREMIS HIBURAN

CDK : B 7 : G

Operasi bersepadu Pusat Hiburan telah dijalankan pada 27 November 2019 membabitkan 2 pusat hiburan di Taman Perindustrian KIP, Kepong dan Rawang Walk. Operasi yang diketuai oleh Tuan YDP MPS ini telah menyita barangan di pusat hiburan tersebut mengikut Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995. Operasi ini merupakan satu mesej tegas MPS yang tidak akan berkompromi dengan mana-mana pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen.





LAWATAN TURUN PADANG YDP KE PASAR SELAYANG

CDK : B 7 : G

Yang Dipertua MPS bersama wakil-wakil Jabatan MPS telah menyertai lawatan turun padang Ke Pasar Selayang Baru pada 28 November 2019 bertujuan meninjau kemudahan dan struktur bangunan pasar tersebut.





*PELANCARAN BAS SMART
SELANGOR
MPS 3 (LALUAN BATU ARANG
-KTM
SG BULOH)
CDK: B7: G*



MPS telah mengadakan Majlis Pelancaran Bas Smart Selangor MPS3 pada 29 November 2019 di Batu Arang yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Negeri Selangor. Laluan baharu ini menghubungkan Batu Arang dengan Stesen keretaapi Tanah Melayu (KTM) Sg. Buloh dengan memberi manfaaat kepada orang ramai dalam membantu meringankan beban kos sara hidup dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya.

PROGRAM CINTAI ALAM SEKITAR DI KAWASAN KG BARU (MPKK) DAERAH GOMBAK TAHUN 2019

9 > H : B 7 : G

Program Cintai Alam Sekitar MPKK Daerah Gombak telah diadakan pada 1 Disember 2019 bertempat di Dewan Terbuka Kampung Kepong Ulu, Kepong. Program yang julung kali diadakan di bawah penganjuran Exco Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama PTD Gombak dan Jawatankuasa Kerja LA21 MPS adalah untuk memberi kesedaran kepada penduduk sekitar tentang kepentingan memelihara alam sekitar terutamanya dikawasan kediaman mereka melalui pebagai aktiviti yang dijalankan. Program telah dirasmikan oleh Cik Pua Pei Ling, Pegawai Perhubungan Pembangunan Kampung Baru Daerah Gombak mewakili YB Ng Sze Han. Antara pengisian program pada kali ini adalah pertandingan Plogging Trash To Cash dan Ecobricks. Selain itu, turut diadakan pameran oleh agensi yang terlibat. Beberapa Kaunter juga turut disediakan antaranya kaunter aduan MPS dan kaunter pemeriksaan kesihatan. Program berakhir dengan acara cabutan bertuah untuk para pengunjung dan tamat pada jam 12.00 tengahari.





ULTIMATE DIRECTION BATU ARANG TAHUN 2019

9 > H : B 7 : G

Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Cyclic Sport telah menganjurkan program larian Ultimate Direction-The Signature Cross Country Ultra Series 2019. Program yang telah masuk tahun ke-5 penganjurannya ini diadakan pada 30 November hingga 1 Disember 2019 bertempat di Pekan Warisan, Batu Arang Selangor. Pada tahun ini, seramai 320 orang peserta dari dalam dan luar negara menyertai pelbagai kategori yang dipertandingkan melibatkan 3 jarak iaitu 83km, 55km, dan 27km. Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Tuan Haji Az'har Bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, manakala majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada peserta telah disempurnakan oleh YBrs. En Mohd Shafee Bin Abd Hamid, Wakil Tourism Malaysia.



*MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SELANGOR DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA SMART SELANGOR MAMPAN*

' 9 > H : B 7 : G '

MPS telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor dan Mesyuarat Jawatankuasa Smart Selangor Mampan 2035 yang berlangsung pada 2 Disember 2019 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil-wakil dari 12 PBT seluruh Negeri Selangor bersama Jabatan-jabatan teknikal antaranya JPS, PTGS dan JKR. Mesyuarat berakhir pada jam 12.30 tengahari.

LAWATAN RASMI PEGAWAI DAN ANGGOTA PIHAK BERKUASA TEMPATAN Pengerang KE MPS

9 > H : B 7 : G

MPS telah menerima kunjungan delegasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang, Johor pada 17 Disember 2019. Barisan delegasi seramai 30 orang ini telah diketuai oleh Tuan Haji Shamsulbahri bin Md Dali, Pemangku Ketua Bahagian Penguatkuasaan PBT Pengerang. Pada sesi kunjungan kali ini, pihak MPS telah berkongsi dan bertukar-tukar pendapat melalui sesi taklimat berkaitan pengurusan dan tadbir urus, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Sisa pepejal dan Kesihatan serta Jabatan Bangunan MPS.



*PERHIMPUNAN BULAN
DISEMBER
DAN SAMBUTAN HARI
INOVASI DAN
INTERGRITI MPS 2019*

9 > H : B 7 : G

Majlis Perbandaran Selayang telah mengadakan Perhimpunan Bulanan dan pelancaran Hari Inovasi dan Integriti tahun 2019 pada 9 Disember 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, Yang Di Pertua MPS. Pelbagai aktiviti telah diadakan pada sambutan kali ini antaranya penyampaian anugerah dan pengiktirafan, pameran daripada agensi kerajaan dan swasta, Program Smart Truck serta bermacam lagi.

















KARNIVAL BELIA SELAYANG ' 9 > H : B 7 : G '

Karnival Belia Selayang 2019 telah berlangsung pada 14 Disember 2019 (Sabtu) bertempat di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. Karnival yang dianjurkan buat julung kalinya ini bertujuan menarik minat golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang sukan, seni dan kebudayaan dan keusahawanan. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya Zumba, FIFA 2020 Challenge, Pertandingan 'Battle Of The Band' dan bermacam-macam lagi.